



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 7 TAHUN 2012**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Dan Cawangan

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2012**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan : -

- 1.1 Tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2012 oleh Kementerian / Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun kewangan 2012; dan

- 1.2 Implikasi yang akan dihadapi oleh Kementerian / Jabatan jika tidak mematuhi tarikh yang ditetapkan.

2. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN

Tarikh akhir penyerahan dokumen kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2012 telah ditetapkan seperti berikut:

BULAN	JENIS DOKUMEN KEWANGAN	TARIKH AKHIR
Disember 2012	Baucar Bayaran Manual	24 Disember 2012
	Dokumen Kewangan eSPKB	27 Disember 2012
Januari 2013 (AKB 2012)	Baucar Bayaran Manual	07 Januari 2013
	Baucar Bayaran eSPKB	07 Januari 2013
	Penyata Pemungut eSPKB	07 Januari 2013
	Baucar Jurnal eSPKB	07 Januari 2013
	Baucar Bayaran (kuiiri)	09 Januari 2013
	Waran Peruntukan Manual	10 Januari 2013
	Waran Peruntukan eSPKB	10 Januari 2013

3. IMPLIKASI JIKA TIDAK MEMATUHI TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN

- 3.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan / bekalan yang diterima dalam tahun 2012 tetapi tidak sempat dikemukakan bayarannya sebelum tarikh yang telah ditetapkan maka bayaran berkenaan perlu dicaj kepada Vot tahun 2013. Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum bayaran diluluskan; dan

3.2 Semua baucar bayaran yang diluluskan oleh Kementerian / Jabatan tetapi ditolak / dikuiiri oleh Pejabat Perakaunan, baucar-baucar berkenaan hendaklah diproses semula dan diserahkan selewat-lewatnya pada 09 Januari 2013 bagi membolehkannya dibayar dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB). Jika lewat, baucar-baucar ini hendaklah dibayar dalam tahun kewangan 2013 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

4. PENUTUP

- 4.1 Semua Kementerian / Jabatan diminta untuk merancang dengan teliti pengurusan kewangan bagi memastikan penyerahan dokumen kewangan dan semua urusan prosesan waran peruntukan, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2012 dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- 4.2 Dokumen-dokumen kewangan yang lewat diterima seperti di para 2 di atas akan ditolak dan akan diproses melalui peraturan kewangan semasa.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN

Akauntan Negara Malaysia

6 Disember 2012

s.k:

Ketua Audit Negara